



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM 2022

Bahasa Melayu  
(910)



# BAHASA MELAYU 910/1

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 28 457 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 86.12% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	12.12	9.78	13.26	11.34	18.95	10.25	10.42	4.06	4.25	1.99	3.58

## RESPONS CALON

**BAHAGIAN A:** *Aneka Pilihan*

### *Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	11	D
2	D	12	B
3	B	13	A
4	C	14	C
5	D	15	B
6	A	16	A
7	C	17	C
8	A	18	A
9	B	19	B
10	C	20	D

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Terdapat 20 orang calon yang mendapat markah penuh, iaitu 20 markah. Seramai 38 orang calon pula mendapat markah yang terendah, iaitu 1 markah. Berdasarkan respons calon, soalan 9 dan soalan 20 merupakan soalan aras sukar kerana kurang 30% calon dapat menjawab soalan tersebut dengan betul. Soalan lain pula merupakan soalan aras sederhana kerana 50% calon dapat menjawabnya dengan betul.

## **BAHAGIAN B: Pembacaan Kritis dan Analitis**

### **Komen am**

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan. Calon dikehendaki untuk menulis jawapan pada helaian jawapan yang disediakan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 30 markah. Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian ini adalah sederhana. Majoriti calon dapat menjawab soalan yang dikemukakan. Hanya ada segelintir calon yang tidak menjawab beberapa soalan dalam bahagian ini. Dari segi kekuatan, kebanyakan calon dapat menjawab kesemua soalan dalam bahagian ini dengan lengkap. Kebanyakan calon dapat menyatakan isi mengikut peruntukan markah bagi setiap soalan. Calon juga dapat mengemukakan isi berserta dengan huraian mengikut kehendak soalan. Contohnya, bagi soalan 24, calon dapat mengemukakan langkah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa untuk mengelakkan pembeli daripada menghadapi risiko pembelian melalui Internet, berserta dengan huraian dan contoh yang bersesuaian. Dari segi kelemahan pula, sebahagian besar calon amat lemah dalam menyatakan maksud rangkaian kata yang diuji berdasarkan petikan. Untuk soalan 21(b) misalnya, calon tidak memahami maksud kata *mengambil kira*. Selain itu, ada calon yang tidak dapat mengenal pasti isi penting dan mesej dalam petikan. Untuk soalan 24 pula, calon mengulang isi dalam perenggan yang berbeza. Ada segelintir calon yang memulakan jawapan bagi soalan 24 dengan perenggan pendahuluan dan mengakhiri jawapan dengan perenggan kesimpulan yang sebenarnya tidak diperlukan.

### **Komen soalan demi soalan**

#### **Soalan 21**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan maksud frasa yang terdapat dalam petikan, iaitu (a) *iklan yang tidak telus* dan (b) *mempertimbangkan pandangan pembeli lain*. Jumlah markah untuk soalan ini ialah dua markah. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Iklan/pemberitahuan yang mengandungi maklumat yang tidak tepat/disangsikan
- (b) Mengambil kira pendapat pembeli atau pengguna lain

Untuk frasa (a), kebanyakan calon memberikan maksud frasa *tidak telus* sebagai *tidak benar* atau *palsu*. Jawapan ini boleh diterima. Namun begitu, ada calon yang menukar perkataan *iklan* dengan perkataan lain yang maksudnya tidak tepat, contohnya *berita*, *komersil*, *paparan*, dan *maklumat*. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat markah. Ada segelintir calon yang memberikan jawapan yang jelas salah, misalnya *iklan yang tidak jujur*. Untuk frasa (b) pula, kebanyakan calon dapat memberikan maksudnya yang betul. Hanya ada sebilangan kecil calon yang lemah yang tidak dapat memberikan maksud *mempertimbangkan* dengan betul. Contoh jawapan calon termasuklah *melihat pendapat pembeli terdahulu*.

#### **Soalan 22**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan dua sebab pengguna gemar membeli barangan secara dalam talian. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengemukakan kedua-dua isi dengan betul. Isi yang dikemukakan mestilah berdasarkan petikan yang diberikan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Pembeli lebih mudah mencari barangan yang bermutu.
- (b) Harga barangan berpatutan/lebih murah.
- (c) Pembeli berpeluang untuk mendapatkan barangan berjenama yang tidak dijual di negara ini.

Walaupun ramai calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat, ada juga calon yang mendapat 0 markah, kerana mereka memberikan jawapan mengikut fahaman sendiri, bukannya berdasarkan petikan. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Kerana banyak iklan yang menarik perhatian pengguna
- (b) Pembeli tertipu akan iklan yang diiklankan dan iklan yang mengelirukan pengguna
- (c) Kerana era moden yang menggunakan media sosial dalam memaparkan jualan yang banyak

### **Soalan 23**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan tiga mesej penulis dalam petikan tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mesej dan huraianya tersurat dalam petikan. Calon yang berprestasi tinggi dan sederhana dapat menjawab soalan ini dengan tepat dan mendapat markah penuh. Contoh jawapan yang tepat adalah seperti yang berikut:

- (a) Pengguna disarankan untuk mempertimbangkan pandangan pembeli lain bagi memastikan wang yang dikeluarkan berbaloi dan pengguna tidak tertipu atau teraniaya.
- (b) Pembeli perlu bijak atau mengambil langkah berjaga-jaga apabila membuat pembelian dalam talian bagi mencegah diri daripada mudah terpengaruh akan iklan yang mengelirukan.
- (c) Penipuan dalam perniagaan dalam talian perlu dikawal dan dipantau dengan berkesan kerana banyak aduan yang diterima daripada pengguna yang terpedaya dengan iklan yang tidak telus dan palsu.
- (d) Pembeli dinasihatkan agar menyimpan segala bukti transaksi pembayaran dan setiap maklumat yang ada sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini kelak.
- (e) Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan seharusnya mempergiat usaha untuk memberikan penerangan mengenai produk yang dijual melalui Internet bagi melindungi kepentingan pembeli.
- (f) Masyarakat perlu berhati-hati dalam mempercayai iklan yang dipaparkan melalui Internet kerana pembelian melalui Internet sememangnya berisiko tinggi.

Walaupun jawapan bagi soalan ini dinyatakan secara tersurat dalam petikan, terdapat segelintir calon lemah yang hanya menyatakan mesej tanpa huraianya. Hal ini menyebabkan calon hanya mendapat sebahagian daripada markah yang diperuntukkan.

### **Soalan 24**

Soalan ini menghendaki calon mencadangkan langkah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa untuk mengelakkan pembeli daripada menghadapi risiko dalam pembelian produk melalui Internet. Panjang jawapan calon hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. Markah penuh untuk soalan ini ialah 20 markah. Calon seharusnya menjawab soalan ini dengan mengemukakan isi utama, huraian isi utama, contoh, dan huraian contoh. Calon mestilah mengemukakan sekurang-kurangnya tiga isi utama. Contoh isi utama yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Menguatkuasakan undang-undang
- (b) Memantau laman sesawang yang menawarkan produk
- (c) Mewajibkan pendaftaran perniagaan dalam talian



- (d) Mewujudkan laman sesawang khas yang berkaitan dengan perniagaan dalam talian
- (e) Mengadakan program untuk meningkatkan kesedaran pengguna
- (f) Menetapkan garis panduan tentang pembelian barang secara dalam talian

Prestasi calon untuk soalan ini adalah sederhana. Tidak ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon yang prestasinya baik dapat mengemukakan satu atau dua isi dengan betul, iaitu isi penguatkuasaan undang-undang dan membuat pemantauan. Namun begitu, huraian yang dikemukakan kadangkala bertindan antara satu sama lain. Sesetengah calon pula mengemukakan isi denda kepada penjual yang menipu, dan lain-lain yang tidak relevan. Di samping itu, terdapat juga calon yang mengemukakan isi (langkah) yang tidak dikaitkan dengan pihak berkuasa. Antara isi tersebut termasuklah pengguna bertindak memulau produk tertentu yang dijual melalui Internet. Jawapan seumpama ini tidak diberikan sebarang markah.

### **BAHAGIAN C: Penulisan Esei Tidak Berformat**

#### ***Komen am***

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab satu daripada tiga soalan esei yang diberikan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 50 markah. Calon perlu menulis esei yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan soalan yang dipilih. Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk bahagian ini adalah sederhana. Dari segi kekuatan, kebanyakan calon mampu menulis esei dengan jumlah patah perkataan antara 400 hingga 600 patah perkataan. Terdapat sebilangan calon yang memperoleh markah yang tinggi untuk bahagian ini kerana mereka dapat mengemukakan lima isi yang relevan dengan kehendak soalan. Dari segi kelemahan pula, ada calon yang menulis esei kurang daripada 400 patah perkataan. Ada calon yang tidak dapat menghuraikan isi dengan baik kerana huraian isi tidak berfokus kepada tugas soalan. Selain itu, kelemahan calon amat ketara dalam aspek binaan ayat. Banyak ayat yang dibina oleh calon tidak gramatis kerana kesalahan struktur ayat dan kekaburan makna. Ada juga segelintir calon yang amat lemah dalam penulisan esei. Sebagai contoh, satu perenggan pendahuluan/isi/kesimpulan hanya ditulis dengan dua hingga empat ayat sahaja. Selain itu, calon juga mencampuradukkan isi yang berbeza dalam satu perenggan yang sama. Ada isi yang dicampuradukkan itu relevan dan ada yang tidak relevan.

Calon yang berprestasi tinggi memperoleh markah melebihi 35 markah. Mereka dapat mengemukakan isi yang relevan dengan kehendak soalan dan mencukupi dari segi jumlah isi yang diperlukan. Mereka dapat memperkembang isi utama dengan jelas, teratur, berkesan, dan meyakinkan. Bahasa mereka juga lancar dan gramatis. Calon sedemikian dapat menggunakan kosa kata dan istilah khusus yang sesuai dengan soalan yang dipilih. Calon juga dapat menulis esei yang panjangnya menepati kehendak soalan. Mereka nyata membuat perancangan yang baik dan mampu menghasilkan esei yang menepati ciri wacana yang utuh. Calon yang sederhana prestasinya pada umumnya dapat memberikan isi yang relevan, tetapi jumlah isinya tidak mencukupi. Huraian yang dikemukakan pula kurang relevan dengan isi utama. Calon yang lemah pula tidak dapat memberikan isi yang relevan, jelas, dan bernas. Isi yang dikemukakan kurang tepat, berulang, dan tidak menunjukkan kematangan sebagai calon prauniversiti. Jumlah isi yang dikemukakan juga tidak mencukupi. Huraian yang dikemukakan pula lemah, di samping terdapat huraian yang bertindan dan ada huraian yang tidak relevan dengan isi utamanya.

Kebanyakan calon tidak memahami konsep menulis pendahuluan esei yang betul. Sesetengah calon menulis perkara yang terpesong daripada tema soalan sebelum memperkatakannya dalam dua atau tiga ayat terakhir pendahuluan. Sesetengah calon pula cenderung untuk mengulangi ayat atau fakta yang hampir sama untuk memanjangkan pendahuluan. Terdapat juga calon yang sudah pun menyediakan acuan pendahuluan esei.

Calon yang berkenaan hanya menukarkan perkara tertentu dalam acuan tersebut. Calon juga cenderung untuk menggunakan frasa yang menarik tanpa memikirkan kesesuaian dan ketepatan maksudnya. Hal ini mengakibatkan bertambahnya jumlah kesalahan sintaksis yang akhirnya menyebabkan markah bahasa calon berada pada tahap yang minimum. Contoh pendahuluan yang ditulis oleh calon adalah seperti yang berikut:

Dalam meniti arus kemodenan, permainan tradisional sangat terkenal pada zaman dahulu. Permainan tradisional merupakan permainan masyarakat pada zaman dahulu. Selain daripada itu, permainan tradisional pada masa kini semakin dilupakan oleh generasi muda pada hari ini. Hal ini demikian kerana segelintir generasi muda atau pelajar sekolah kurang menggemari permainan tradisional kerana mereka lebih suka bermain permainan video dalam telefon. Bukan itu sahaja ibu bapa juga tidak menjalankan tanggungjawab mereka untuk mendidik anak-anak cara bermain permainan tradisional. Disebabkan perkara-perkara tersebut telah mengakibatkan permainan tradisional pada masa kini hampir dilupakan oleh generasi muda. Oleh itu, terdapat beberapa langkah-langkah untuk menghidupkan kembali permainan tradisional dalam kalangan pelajar sekolah di negara kita. (106 patah perkataan)

Pendahuluan seperti contoh tersebut banyak ditulis oleh calon. Ini jelas menunjukkan bahawa calon tidak mempunyai kemahiran dalam penulisan pendahuluan esei.

Dari segi persembahan pula, calon yang berprestasi tinggi dapat menulis esei dengan kemas dan berkesan. Esei mereka menyerlahkan ciri kohesi dan koheren dengan baik sekali. Calon yang lemah pula jelas tidak menguasai kemahiran mengarang. Mereka menulis esei tanpa perancangan, dan hal ini menyebabkan mereka menulis apa-apa sahaja yang terlintas di fikiran mereka. Akibatnya, terhasillah satu perenggan yang memuatkan isi lebih daripada satu, atau isi yang sama diulang dalam perenggan yang berbeza. Dari segi pengolahan, kebanyakan calon dapat mengolah isi secara sederhana. Dari segi pemerenggan, ada calon yang bijak membahagikan perenggan. Mereka dapat menyeimbangkan bilangan patah perkataan untuk setiap perenggan. Namun demikian, ada juga calon yang tidak membahagikan perenggan dengan seimbang. Ada perenggan yang ditulis terlalu panjang, dan ada pula perenggan yang ditulis terlalu pendek. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah yang baik untuk aspek pengolahan.

Hanya segelintir calon dapat mempersembahkan isi dengan betul dan jelas. Isi yang dikemukakan disokong dengan huraian yang relevan dan contoh yang bersesuaian. Kelemahan calon yang ketara adalah seperti yang berikut:

(a) Kesalahan cara memulakan isi karangan (pada ayat pertama setiap perenggan)

Contohnya:

- (i) Manfaat penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain. ....
- (ii) Selain itu, manfaat lain penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan ialah dapat menambahkan pengalaman.
- (iii) Seterusnya, manfaat penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan juga dapat mengurangkan gejala sosial dalam masyarakat.
- (iv) Dasawarsa ini, sudah terang lagi bersuluh manfaat seterusnya dapat melahirkan masyarakat yang prihatin.
- (v) Akhir sekali dapat melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab.

Contoh di atas menunjukkan bahawa calon kurang memahami binaan ayat yang gramatis dan tidak dapat mempelbagaikan cara memulakan isi karangan.

- (b) Mencampuradukkan perkara yang betul dengan yang tidak diperlukan  
Calon dapat mengemukakan isi esei dengan betul. Namun begitu, kebanyakan calon gagal menghuraikan isi tersebut dengan betul dan jelas. Contohnya:

Antara manfaat penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan ialah dapat mengeratkan hubungan silaturahim. Ini kerana belia yang terlibat dapat berkenalan dengan belia lain yang sama-sama melakukan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan perumahan. Oleh itu, aktiviti ini sangat baik untuk mengeratkan hubungan antara kaum. Dasawarsa ini, kebanyakan individu terutama golongan belia sibuk dengan tugas masing-masing, jadi mereka tiada masa untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukarela. Pihak kerajaan hendaklah mengambil inisiatif untuk menggalakkan golongan belia melibatkan diri dalam aktiviti ini untuk mengeratkan hubungan silaturahim. Sekiranya usaha ini dapat dilakukan, hubungan silaturahim dalam kalangan belia akan bertambah erat. (93 patah perkataan)

Tiga ayat pertama dalam perenggan di atas sesuai, iaitu pernyataan isi dengan sedikit huraian. Ayat keempat dan seterusnya menyatakan sebab golongan belia tidak melibatkan diri dalam pertubuhan sukarela. Ayat kelima, berupa saranan kepada pihak kerajaan agar bertindak untuk menggalakkan golongan belia melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Perkara yang diperkatakan dalam ayat keempat sehingga akhir kurang berkaitan dengan isi utamanya, iaitu manfaat penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan. Keadaan yang sedemikian dilakukan oleh sesetengah calon yang menulis esei bagi tajuk-tajuk yang lain. Hal ini berlaku kerana kegagalan calon memahami cara untuk menghuraikan isi esei dengan baik.

- (c) Membuat penegasan atau kesimpulan kecil yang tidak menguntungkan

Kebanyakan calon menulis penegasan atau kesimpulan kecil pada setiap perenggan. Hakikatnya, perkara yang ditulis itu bukan sahaja tidak tepat tetapi juga salah binaan ayatnya. Hal ini disebabkan kebanyakan calon menyalin ayat pertama itu semula dengan menambahkan perkataan tertentu. Contohnya:

Ayat pertama pada permulaan perenggan:

Langkah yang boleh diambil bagi menghidupkan kembali permainan tradisional dalam kalangan pelajar supaya permainan tidak ditelan zaman ialah mengadakan pertandingan bermain permainan tradisional. ....

Ayat terakhir, iaitu penegasan atau kesimpulan kecil:

Dengan demikian/Oleh itu/Jelaslah langkah yang boleh diambil bagi menghidupkan kembali permainan tradisional dalam kalangan pelajar supaya permainan tidak ditelan zaman ialah mengadakan pertandingan bermain permainan tradisional.

Dua ayat di atas yang panjangnya 50 patah perkataan itu bukan sahaja tidak membantu penegasan isi tetapi juga tidak gramatis.

Berdasarkan esei yang ditulis, jelas bahawa calon tidak memahami konsep kesimpulan esei. Kesimpulan bermaksud menyimpulkan atau merumuskan isi karangan yang dihasilkan diikuti oleh ulasan, pandangan, ataupun cadangan. Kebanyakan calon menulis kesimpulan dengan beberapa baris ayat sahaja. Hasilnya, kesimpulan yang ditulis itu pendek dan tidak tepat. Terdapat juga calon menulis isi lain atau mengulang perkara yang sama atau hampir sama dengan isi esei dalam bahagian kesimpulan. Kesimpulan yang sedemikian dianggap lemah.

Dari segi bahasa, prestasi kebanyakan calon adalah lemah. Kebanyakan calon memperoleh markah bahasa di bawah 4 markah, sedangkan markah penuh untuk aspek bahasa ialah 15 markah. Calon jelas tidak dapat membina ayat yang betul dari segi tatabahasa dan maknanya. Bilangan calon yang memperoleh markah bahasa pada tahap sederhana amat kecil bilangannya, apatah lagi pada tahap baik. Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

(a) Memulakan ayat dengan pernyataan isi pada awal perenggan

Contohnya:

- (i) Dapat memperoleh pengalaman semasa menyertai aktiviti sukarelawan adalah merupakan manfaatnya.
- (ii) Langkah lain yang mampu dilakukan bagi menghidupkan kembali permainan tradisional dalam kalangan pelajar dengan mengadakan pertandingan.
- (iii) Faktor kurang kepercayaan terhadap kaedah rawatan sihatan moden adalah puncanya.

(b) Menggunakan penanda wacana tanpa memahami fungsinya

Contohnya:

- (i) Selain daripada itu, pihak sekolah boleh mengadakan pameran permainan tradisional.
- (ii) Selain itu, langkah lain ialah mengadakan kempen kesedaran.
- (iii) Hal ini kerana generasi hari ini tidak tahu apakah permainan tradisional.
- (iv) Di samping itu juga, pihak sekolah harus mengadakan alat permainan itu.
- (v) Setelah itu, pihak sekolah hendaklah memasukkan permainan itu ke dalam kokurikulum.
- (vi) Seterusnya, sebab sesetengah masyarakat mengamalkan kaedah tradisional kerana murah.
- (vii) Akhir sekali kerana rawatan tradisional dapat menyembuhkan penyakit.

(c) Menggunakan perkataan yang kedengaran menarik tanpa memahami maksudnya atau kesesuaiannya dengan konteks ayat

Contohnya:

- (i) Dalam meniti arus kemodenan ini, permainan tradisional tidak asing lagi kepada kita.
- (ii) Pada dasawarsa ini aktiviti kesukarelawanan mendapat sambutan daripada golongan belia.
- (iii) Jelas bahawa sudah terang lagi bersuluh kaedah perubatan tradisional masih mendapat sambutan masyarakat.

(d) Menggunakan perkataan contoh yang bukan contoh

Contohnya:

- (i) Untuk menggalakkan pelajar meminati permainan tradisional pihak sekolah hendaklah mengadakan kawasan untuk permainan tersebut. Contohnya, guru dapat mengajar pelajar cara bermain.
- (ii) Penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawan dapat mengeratkan hubungan. Contohnya, seseorang akan berkomunikasi dengan orang lain semasa bermain.

(e) Memulakan ayat dengan kata hubung



Contohnya:

- (i) Malah, kempen kesedaran perlu dijalankan secara yang berkesan.
  - (ii) Namun, tidak banyak masyarakat luar bandar yang menggunakan rawatan moden.
  - (iii) Manakala rawatan kesihatan secara moden menggunakan bahan kimia.
  - (iv) Bak kata peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungunya.
- (f) Membina ayat tergantung

Contohnya:

- (i) Dengan mengadakan permainan tradisional dapat mengeratkan hubungan.
  - (ii) Bagi penduduk di luar bandar masih mengamalkan kaedah tradisional.
  - (iii) Melalui aktiviti kesukarelawanan ini dapat mengelakkan masalah sosial.
  - (iv) Misalnya mendatangkan kesan kepada pesakit yang mengamalkannya.
- (g) Membina frasa lewah

Contohnya:

Antara langkah-langkah, hubungan silaturrahim, seseorang individu, saling bantu-membantu, pada masa kini, sejak dari dahulu lagi, ramai anak-anak muda, dan lain-lain.

- (h) Melakukan kesalahan binaan ayat pasif kata ganti nama diri orang pertama, kedua, dan ketiga

Contohnya:

- (i) Aktiviti yang mereka lakukan ialah gotong-royong membersihkan jalan.
  - (ii) Kempen yang kerajaan jalankan dapat menyedarkan masyarakat.
  - (iii) Ubat yang pengamal perubatan tradisional gunakan ialah tumbuh-tumbuhan yang tidak berbahaya.
- (i) Melakukan kesalahan penggunaan kata pemer

Contohnya:

- (i) Langkah yang diambil ialah menguatkuasakan undang-undang.
  - (ii) Antara manfaatnya ialah dapat menambahkan ilmu pengetahuan belia.
  - (iii) Aktiviti kesukarelawanan adalah aktiviti yang sangat berfaedah.
- (j) Melakukan kesalahan ejaan

Contohnya:

sekaligus, mewartarkan, di lakukan, menggalakan, mengambilalih, ibu-bapa, dan lain-lain.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### **Soalan 25**

Soalan menghendaki calon menulis esei tentang manfaat penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan. Sebahagian daripada calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan isi yang betul. Antara contoh isi yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Menambahkan pengetahuan
- (b) Menambahkan kenalan
- (c) Mengeratkan hubungan dan perpaduan
- (d) Memupuk nilai murni
- (e) Meningkatkan kemahiran komunikasi
- (f) Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang bermanfaat
- (g) Mengurangkan tekanan yang dialami oleh belia
- (h) Mengembangkan bakat kepimpinan dalam diri belia
- (i) Meningkatkan nilai kemasyarakatan
- (j) Menambahkan pengalaman

Walaupun calon dapat mengemukakan isi dengan tepat, kegagalan mereka menghuraikan isi tersebut menyebabkan markah yang diperoleh kurang memuaskan. Amat sukar untuk menemukan calon yang memperoleh tiga markah penuh bagi setiap isi; kebanyakannya hanya memperoleh dua markah ataupun satu markah bagi setiap perenggan isi. Kegagalan calon menguasai kaedah menghuraikan isi esei menyebabkan kelemahan ini begitu ketara dalam kalangan calon. Bagi pelajar pada tahap sederhana dan lemah pula, ada yang cuba mengulang ayat yang sama ataupun yang maksudnya hampir sama untuk memanjangkan esei.

#### **Soalan 26**

Soalan ini menghendaki calon menulis esei tentang langkah yang boleh diambil untuk menghidupkan permainan tradisional kembali dalam kalangan pelajar sekolah agar permainan tersebut tidak ditelan zaman. Sebahagian besar calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan lima isi dengan betul. Antara contoh isi yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Memperkenalkan permainan tradisional melalui pengajaran dan pembelajaran
- (b) Menjadikan permainan tradisional sebagai satu daripada akitviti kokurikulum di sekolah
- (c) Mengadakan pameran/demonstrasi permainan tradisional di sekolah pada majlis tertentu
- (d) Mengadakan bengkel/latihan kemahiran permainan tradisional untuk pelajar
- (e) Mengadakan pertandingan permainan tradisional dengan lebih banyak dalam kalangan pelajar pada pelbagai peringkat
- (f) Mewujudkan aplikasi permainan tradisional
- (g) Menyediakan bantuan kewangan/kepakaran/peralatan/prasarana yang berkaitan dengan permainan tradisional
- (h) Memupuk minat anak-anak terhadap permainan tradisional
- (i) Memberikan insentif kepada pelajar yang menunjukkan kemahiran dalam permainan tradisional
- (j) Memastikan peralatan permainan tradisional mudah diperoleh
- (k) Mengadakan rancangan khas yang berkaitan dengan permainan tradisional melalui media massa

Namun demikian, walaupun isi yang dikemukakan tepat, masalah calon dalam penulisan esei ialah kegagalan mereka untuk menghuraikan isi dengan sewajarnya. Kelemahan ini mengakibatkan terdapat calon yang mencampuradukkan langkah dengan kesan dan lain-lain. Kelemahan ini juga mengakibatkan calon yang sederhana dan caloh yang lemah khususnya mengulang ayat yang sama ataupun ayat yang hampir sama. Tindakan ini tidak membantu calon untuk mendapat markah yang baik dalam karangan. Selain itu, terdapat calon yang mengemukakan isi yang berkaitan dengan sekolah semata-mata sehingga ada beberapa isi yang berulang.

### Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon menulis esei tentang sebab kebanyakan anggota masyarakat menggunakan rawatan kesihatan moden dan sebab masih ada sesetengah anggota masyarakat yang masih mengamalkan kaedah rawatan tradisional. Untuk soalan ini, calon boleh mengemukakan pendapat tentang sebab masyarakat memilih kaedah rawatan moden dan tradisional. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan isi yang betul. Antara contoh isi yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Sebab rawatan kesihatan moden menjadi pilihan:

- (a) Perubatan moden lebih diyakini kerana berasaskan kajian/penyelidikan yang saintifik
- (b) Pusat perubatan moden lebih mudah didapati
- (c) Tahap kesedaran masyarakat terhadap keberkesanan perubatan moden kini lebih tinggi
- (d) Kaedah perubatan moden menyediakan kepakaran dan peralatan yang canggih/sesetengah rawatan memang tidak terdapat dalam kaedah rawatan perubatan tradisional
- (e) Kaedah rawatan moden lebih sistematik
- (f) Kaedah rawatan moden menyediakan prasarana yang kondusif

Sebab rawatan kesihatan tradisional menjadi pilihan:

- (a) Sesetengah anggota masyarakat masih mempercayai pengaruh pengamal perubatan tradisional
- (b) Sesetengah orang memilih kaedah rawatan kesihatan tradisional kerana takut untuk mendapatkan rawatan kesihatan moden, terutamanya yang melibatkan pembedahan.
- (c) Perubatan tradisional diyakini boleh menyembuhkan penyakit yang dikaitkan dengan sihir, ilmu hitam, gangguan makhluk halus, dan sebagainya.
- (d) Sakit yang berkaitan dengan kesan terseliuh, ketegangan urat saraf, dan keletihan lazimnya dapat disembuhkan melalui cara urutan dengan menggunakan ramuan herba
- (e) Rawatan kesihatan tradisional diyakini kerana menggunakan bahan semula jadi
- (f) Kos rawatan kesihatan tradisional lebih murah bagi sesetengah penyakit
- (g) Tempoh rawatan kesihatan tradisional lebih singkat bagi sesetengah penyakit

Kebanyakan calon sukar mendapat markah penuh, iaitu tiga markah bagi setiap isi kerana kegagalan mereka menghuraikan isi dengan betul. Kesimpulannya, kegagalan calon menguasai kaedah huraian isi dengan betul menyebabkan isi yang tepat tidak dapat dihuraikan dengan betul dan berkesan. Calon yang berkenaan hanya mendapat markah yang sederhana.

# BAHASA MELAYU 910/2

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 27 969 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 66.11% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.61	3.70	9.42	8.90	10.52	7.55	16.41	3.99	8.31	8.82	17.77

## RESPONS CALON

**BAHAGIAN A:** *Aneka Pilihan*

### *Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	D	21	A
2	A	12	B	22	B
3	C	13	B	23	D
4	A	14	D	24	B
5	C	15	D	25	C
6	B	16	C	26	C
7	D	17	D	27	A
8	A	18	C	28	A
9	B	19	C	29	C
10	B	20	A	30	D

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Terdapat seramai 28 orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 30 markah, manakala seramai 43 orang calon pula mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Berdasarkan respons calon, didapati bahawa soalan 19 merupakan soalan beraras mudah kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan yang lain pula merupakan soalan beraras sederhana bagi calon.

## **BAHAGIAN B: Struktur**

### ***Komen am***

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan yang diberikan. Markah penuh untuk bahagian ini ialah 30 markah. Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian B adalah sederhana. Kebanyakan calon memperoleh markah di bawah 19 markah. Hanya ada sebilangan kecil calon yang cemerlang yang mendapat 20 markah dan ke atas. Calon tersebut dilihat menguasai aspek-aspek yang ditanya, berupaya untuk memahami kehendak soalan dengan baik, dapat menggunakan istilah dengan betul, dan dapat menjawab soalan dengan menggunakan binaan ayat yang gramatis.

Calon yang membuat persediaan dapat menjawab beberapa soalan dengan baik, sebaliknya, calon yang tidak bersedia cenderung untuk memberikan jawapan yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Calon yang tidak teliti pula akan cuai ketika menjawab soalan. Untuk soalan 32 misalnya, calon sepatutnya dapat memberikan jawapan yang tepat kerana jawapan tersebut ada dalam petikan namun ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini. Hal ini juga sama untuk soalan 37. Calon sepatutnya dapat menyatakan jenis ayat perintah dengan betul namun mereka melakukan kesilapan dengan memberikan istilah jenis ayat yang tidak tepat. Jika dibandingkan antara bidang morfologi dengan sintaksis, calon dilihat lebih menguasai bidang morfologi. Hal ini dapat dilihat melalui jawapan calon untuk soalan morfologi. Kebanyakan mereka memperoleh markah untuk soalan morfologi, berbanding dengan soalan sintaksis.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### **Soalan 31**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan jenis kata dasar bagi setiap perkataan yang berikut:

- (a) Mengedepankan
- (b) Keterbukaan

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah:

- (a) Frasa
- (b) Kata terbitan

Hanya sebahagian kecil calon dapat mengenal pasti kata dasar bagi kedua-dua perkataan di atas dan dapat menyatakan jenisnya dengan tepat. Kebanyakan calon yang lain bukan menyatakan jenis kata dasar, sebaliknya mereka menyatakan kata dasarnya, seperti *ke depan* dan *terbuka*. Jawapan sedemikian tidak diterima. Calon yang lemah pula ketara tidak memahami kehendak soalan. Hal ini menyebabkan mereka memberikan jawapan yang tidak berkaitan, contohnya pengimbuhan dan kata sendi nama.

#### **Soalan 32**

Soalan 32 berdasarkan ayat yang berikut:

Semua kakitangan tadika tersebut terselamat apabila bas persiaran yang dinaiki mereka dirempuh dari belakang oleh sebuah lori yang membawa sayur-sayuran.

Soalan ini menghendaki calon memberikan satu contoh perkataan yang menepati setiap konsep morfologi dalam jadual yang diberikan dan menyatakan bentuk katanya.



Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

	Konsep morfologi	Contoh perkataan	Bentuk kata
(a)	Pengimbuhan apitan kepada kata dasar	Persiaran/dinaiki	Kata terbitan
(b)	Percantuman suku kata awal daripada beberapa perkataan	Tadika	Kata tunggal

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Mereka dapat mengenal pasti perkataan yang terbentuk berdasarkan konsep morfologi yang terdapat dalam jadual, seterusnya menyatakan bentuk kata bagi perkataan berkenaan. Namun demikian, ada calon yang cuai ketika memberikan jawapan. Terdapat kesalahan ejaan dalam jawapan mereka, contohnya persiaran dieja sebagai persiara, dinaiki dieja sebagai di naiki, dan tadika ditulis sebagai TADIKA. Ada calon yang bukan menulis contoh perkataan, sebaliknya mereka menulis frasa, contohnya bas persiaran. Untuk bentuk kata pula, ada calon yang menulisnya sebagai bentuk terbitan dan bentuk tunggal. Jawapan sebegini tidak diterima, menyebabkan calon kehilangan markah. Calon yang lemah pula memberikan jawapan yang sembarangan, contohnya seperti yang berikut:

	Konsep morfologi	Contoh perkataan	Bentuk kata
(a)	Pengimbuhan apitan kepada kata dasar	dirempuh/ terselamat	Kata dasar/ Morfem bebas
(b)	Percantuman suku kata awal daripada beberapa perkataan	sayur-sayuran/ kakitangan	Kata nama/ Kata majmuk

### Soalan 33

Soalan ini menghendaki calon membina satu ayat yang gramatis dengan menggunakan setiap kata tugas yang berikut:

- (a) Kata pembenar
- (b) Kata pangkal ayat

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Ya, itulah yang saya maksudkan.
- (b) (i) Syahadan, hidangan pun diangkat oranglah.
- (ii) Arakian, bersemayamlah baginda di istana itu.
- (iii) Adapun kuda itu dipunyai oleh Tun Omar.
- (iv) Hatta, begitulah kisah hidup Hang Tuah.

Ada segelintir calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membina ayat yang gramatis dengan menggunakan kata pembenar dan kata pangkal ayat. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Ya, di situ ada sungai.
- (b) Maka, baginda pun berangkatlah.

Ada calon yang membina ayat namun ayat berkenaan tidak gramatis. Ada pula calon yang menggunakan kata pembenar dan kata pangkal ayat secara tidak tepat. Walaupun struktur ayatnya betul, calon tidak mendapat markah kerana penggunaan kata pembenar atau kata pangkal ayatnya tidak tepat. Contoh jawapan calon yang tidak diberikan markah adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Memang benar, saya belajar di sekolah itu.  
(ii) Ya, memang dia yang saya cari.  
(iii) Ali selalu berkata benar dengan ibunya.
- (b) (i) Maka, saya perlu datang ke sekolah esok.  
(ii) Hatta, tempat itu berbahaya.  
(iii) Aduh, sakitnya kaki saya!

### Soalan 34

Soalan 34 berdasarkan petikan yang berikut:

Mereka menerima rawatan intensif kerana keracunan gas karbon monoksida. Bagi mangsa yang melecur teruk pula, mereka ditempatkan di hospital lain.

Soalan ini menghendaki calon memberikan satu contoh frasa yang jenis dan binaannya bertepatan dengan rumus yang berikut:

- (a) Kata kerja transitif + frasa nama
- (b) Kata kerja tak transitif + keterangan

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:


- (a) menerima rawatan intensif
- (b) melecur teruk

Ada segelintir calon capat memberikan contoh frasa (a) dengan tepat. Hanya sebilangan kecil calon dapat memberikan contoh frasa (b). Kelemahan yang ketara ialah calon mengemukakan contoh frasa yang tidak lengkap. Calon yang lemah pula memberikan contoh frasa yang tidak tepat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) menerima rawatan  
(ii) Mereka menerima rawatan intensif
- (b) (i) Melecur teruk pula  
(ii) Mangsa yang melecur  
(iii) Menerima rawatan intensif kerana keracunan

### Soalan 35

Soalan 35 berdasarkan rajah yang berikut:



Soalan (a) menghendaki calon menamakan *X*, manakala soalan (b) pula menghendaki calon membina satu ayat dasar yang menepati setiap pola yang berikut:

- (i) FN + FK
- (ii) FN + FS

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Pola ayat dasar
- (b) (i) Guru itu bertugas di Kuala Lumpur.
- (ii) Mereka ke Johor Bahru.

Terdapat segelintir calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk (a) dan dapat membina ayat yang menepati pola yang diberikan dengan betul. Namun demikian, kebanyakan calon tidak memberikan jawapan yang lengkap untuk (a). Mereka hanya memberikan “pola ayat” sebagai jawapan. Jawapan sebegini menunjukkan bahawa calon mengetahui pola ayat dasar, namun mereka cuai dalam memberikan jawapan. Calon yang lemah pula memberikan jawapan yang jauh terpesong, antaranya ialah bentuk ayat, frasa kerja, frasa, dan frasa ayat.

Untuk soalan (b) pula, ada calon yang membina ayat dasar yang tidak gramatis. Selain itu, ada calon yang membina ayat majmuk, ayat tergantung, dan ayat yang tidak menepati pola yang dikehendaki dalam soalan. Ada pula calon yang cuai, iaitu mereka menulis ayat bermula dengan huruf kecil dan tidak diakhiri dengan nokhtah. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Saya sedang makan.  
Adik dan kakak sedang mengemas rumah.  
mereka berjalan ke sekolah
- (ii) Aiman tinggal di Kuala Lumpur.  
Dia berasal dari Kelantan.  
pemain itu di dewan badminton

### Soalan 36

Soalan 36 berdasarkan frasa yang berikut:

mengemas rumah

Soalan ini menghendaki calon menggunakan frasa di atas untuk membina satu ayat yang menepati setiap susunan konstituen ayat yang berikut:

- (a) Susunan biasa
- (b) Susunan songsang

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Ibu sedang mengemas rumah.  
(ii) Kami mengemas rumah nenek semalam.  
(iii) Mengemas rumah menjadi hobi saya pada hujung minggu.
- (b) (i) Sedang mengemas rumah ibu.  
(ii) Semalam mengemas rumah nenek kami.  
(iii) Pada hujung minggu, Siti mengemas rumah.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membina ayat yang menepati susunan biasa dan susunan songsang dengan menggunakan frasa mengemas rumah. Hanya segelintir calon tidak dapat menjawab soalan ini. Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Membina ayat susunan biasa dengan mendahulukan frasa sendi nama  
Contohnya: Pagi tadi emak mengemas rumah seorang diri.
- (b) Membina ayat yang maksudnya tidak jelas  
Contohnya: Mereka mengemas rumah kerana berhambur disebabkan adik bermain tadi.
- (c) Membina ayat songsang yang tidak gramatis  
Contohnya: Mengemas rumah sedang kakak dan ibu.
- (d) Membina ayat pasif (sepatutnya ayat songsang)  
Contohnya: Rumah dikemas oleh ibu sebentar tadi.

### Soalan 37

Soalan 37 menghendaki calon menyatakan jenis ayat perintah bagi setiap contoh ayat perintah yang diberikan dalam jadual. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

	Contoh ayat perintah	Jenis ayat perintah
(a)	Hakim, jawablah soalan itu.	Ayat suruhan
(b)	Awak janganlah sedih sangat.	Ayat larangan
(c)	Ayuhlah kita bertolak sekarang.	Ayat ajakan

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti kesemua jenis ayat perintah yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, ada antara mereka yang cuai ketika menjawab. Terdapat kesalahan ejaan pada jawapan mereka, contohnya “ayat laranga”, “ayat larangan” dan “ayat ajakkan”. Kesalahan begini tidak diterima dan calon tidak diberikan sebarang markah. Calon yang lemah pula tidak dapat menyatakan jenis ayat perintah dengan betul. Ada yang memberikan jawapan yang jauh terpesong dan ada yang mencipta istilah jenis ayat perintah sendiri. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Ayat permintaan/ayat penegas/ayat menyuruh/ayat suruh
- (b) Ayat bantahan/ayat suruhan/ayat perintah adjektif/ayat larang
- (c) Ayat permintaan/ayat suruhan/ayat seruan/ayat minta/ayat ajak

### Soalan 38

Soalan 38 terbahagi kepada 38(a), 38(b), dan 38(c) berdasarkan ayat yang berikut:

I	Mereka memberitahu saya sesuatu.
II	Ibu Amirah dihantar ke hospital semalam.

Soalan 38(a) menghendaki calon menggabungkan ayat I dan II supaya membentuk satu ayat majmuk yang gramatis. Soalan 38(b) menghendaki calon menyatakan jenis ayat majmuk yang terhasil dalam 38(a). Soalan 38(c) pula menghendaki calon menulis satu klausa tak bebas yang terdapat dalam ayat majmuk yang dibina dalam 38(a). Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Mereka memberitahu saya bahawa ibu Amirah dihantar ke hospital semalam.
- (b) Ayat majmuk pancangan
- (c) bahawa ibu Amirah dihantar ke hospital semalam

Hanya sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan (b) dan (c) dengan betul. Kelemahan calon yang ketara ialah, untuk soalan (a), calon tidak dapat menggabungkan ayat I dan ayat II dengan betul. Ada antara calon yang menggunakan kata hubung yang tidak tepat. Contoh jawapan calon untuk soalan 38(a) adalah seperti yang berikut:

- (i) Mereka memberitahu saya sesuatu bahawa ibu Amirah dihantar ke hospital semalam.
- (ii) Mereka memberitahu saya yang ibu Amirah dihantar ke hospital semalam.
- (iii) Semalam mereka memberitahu saya bahawa ibu Amirah dihantar ke hospital.

Untuk soalan 38(b) pula, calon menjawab dengan cara meneka jenis ayat majmuk yang digabungkan itu. Hal ini menyebabkan jawapan yang diberikan tidak tepat. Antara jawapan yang diberikan oleh calon untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Ayat majmuk campuran
- (ii) Ayat majmuk gabungan
- (iii) Ayat majmuk gabungan pancangan
- (iv) Ayat majmuk relatif



Untuk soalan 38(c) kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan klausa tak bebas dengan betul. Ada yang mengemukakan klausa yang tidak lengkap, dan ada yang menulis klausa bermula dengan huruf besar dan berakhir dengan noktah. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) memberitahu saya sesuatu
- (ii) dihantar ke hospital semalam
- (iii) ibu Amirah dihantar ke hospital
- (iv) mereka memberitahu saya semalam
- (v) ibu Amirah dihantar ke hospital semalam
- (vi) mereka memberitahu saya
- (vii) Bahawa ibu Amirah dihantar ke hospital.

### Soalan 39

Soalan ini menghendaki calon menganalisis kesalahan bahasa berdasarkan petikan yang diberikan. Calon perlu menyenaraikan tiga kesalahan bahasa, menjelaskan sebab kesalahan, dan menulis pembetulannya. Petikan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

Kepentingan internet pada masa ini sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Internet dapat membantu pengguna untuk mendapatkan pelbagai maklumat dengan mudah dan pantas. Namun, ada segelintir pengguna internet, khususnya golongan muda menyalahgunakan kemudahan ini dengan melakukan buli siber. Buli siber merupakan perbuatan mengugut, memulau, atau menakut-nakutkan seseorang melalui medium elektronik. Contoh buli siber ialah menghantar pesanan teks yang bersifat mengancam, memuat naik komen atau gambar yang tidak senonoh, dan memulaukan pengguna internet yang lain dengan sengaja. Hal ini akan memberikan kesan negatif kepada mangsa daripada sudut psikologi sehingga boleh menyebabkan mangsa mengalami kemarahan, kesedihan, ketakutan, dan kemurungan.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
(a)	Namun, ada segelintir...	Menggunakan kata hubung gabungan “namun” sebagai penanda wacana untuk menunjukkan unsur pertentangan	Namun begitu/Namun demikian, ada segelintir...
(b)	...ialah menghantar pesanan teks...	Menggunakan kata pemerai ekuatif “ialah” sebelum frasa kerja	...ialah penghantaran pesanan teks... atau ...ialah perbuatan/tindakan menghantar pesanan teks...
(c)	...daripada sudut psikologi...	Menggunakan kata sendi nama “daripada” untuk merujuk arah	...dari sudut psikologi...

Prestasi calon untuk soalan ini adalah sederhana. Hanya ada sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengesan dua atau tiga kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan tersebut dan membuat pembetulannya. Calon yang lemah hanya dapat mengesan satu atau dua kesalahan. Ada calon yang tidak menulis kesalahan dengan lengkap. Ada calon yang memberikan jawapan yang jelas tidak tepat. Jawapan yang diberikan jelas menunjukkan bahawa mereka langsung tidak dapat mengenal pasti kesalahan yang terdapat dalam petikan. Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat menjelaskan sebab kesalahan. Kebanyakan calon membiarkan ruang sebab kesalahan kosong tanpa sebarang jawapan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Contoh 1

<b>Bil.</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Sebab kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
(a)	Pada masa ini	Kesalahan penggunaan kata penentu	Pada masa kini
(b)	Buli siber	Kesalahan hukum D-M	siber buli
(c)	Daripada	Kesalahan kata sendi nama	dari

Contoh 2

<b>Bil.</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Sebab kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
(a)	Memuat naik	Tidak sesuai dijarakkan	memuatnaik
(b)	Ada segelintir	kesalahan guna kata	terdapat segelintir
(c)	Menyalahgunakan	kesalahan ejaan	menyalah gunakan

# BAHASA MELAYU 910/3

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 27 657 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 66.49% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	16.73	6.69	7.47	8.08	7.93	11.98	7.61	10.02	10.66	5.23	7.59

## RESPONS CALON

**BAHAGIAN A:** *Aneka Pilihan*

### *Kunci jawapan*

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	11	B
2	B	12	D
3	C	13	A
4	C	14	D
5	C	15	A
6	A	16	D
7	C	17	A
8	B	18	B
9	B	19	A
10	D	20	C

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A adalah baik. Terdapat 28 orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 20 markah manakala 12 orang calon mendapat markah terendah, iaitu 0 markah. Berdasarkan respons calon, soalan 6 merupakan soalan yang sukar kerana hanya 30% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan 2, 12, dan 19 pula merupakan soalan yang mudah kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan lain pula merupakan soalan beraras sederhana bagi calon.

## **BAHAGIAN B: Struktur**

### ***Komen am***

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan. Markah penuh untuk bahagian ini ialah 45 markah. Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk bahagian B adalah sederhana. Terdapat calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan dalam bahagian ini namun ramai juga calon yang tidak dapat menjawab soalan-soalan tertentu dalam bahagian ini. Ada calon yang mengetahui jawapan yang betul tetapi mereka cuai ketika menjawab soalan. Buktinya, calon membuat kesalahan ejaan bagi istilah kohesi dan koheren. Selain itu, calon menulis satu ayat bagi soalan yang meminta mereka membina wacana. Calon juga nampaknya tidak menguasai beberapa topik tertentu. Untuk soalan 27 misalnya, iaitu soalan berkaitan dengan variasi bahasa istana, ramai calon yang tidak dapat membina ayat yang mengandungi unsur pemulukan dan pendinaan. Untuk soalan 32 pula, ramai calon yang tidak dapat membina ayat dengan menggunakan simpulan bahasa yang diberikan untuk menunjukkan maknanya yang tepat. Calon juga tidak dapat mengemukakan peribahasa yang menepati situasi yang diberikan dalam soalan. Selain itu, ada sebilangan kecil calon yang langsung tidak menjawab beberapa soalan.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### **Soalan 21**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan dua ciri wacana (selain melebihi batas ayat), berdasarkan petikan yang berikut:

Aminah merupakan seorang gadis yang baik. Dia penyayang dan gemar menolong orang.

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Idea berkesinambungan atau berkoheren
- (b) Mempunyai tautan atau berkohesi
- (c) Mempunyai tujuan

Ada calon yang dapat memberikan ciri utama wacana dengan tepat berdasarkan contoh wacana yang diberikan. Contoh jawapan calon:

- (a) Kohesi
- (b) Koheren

Kelemahan calon yang ketara, mereka tidak dapat membezakan ciri kohesi dan koheren. Buktinya, mereka menyatakan ciri yang sama pada kedua-dua ruang jawapan. Hal ini menyebabkan jawapan kedua yang diberikan oleh calon dianggap sebagai jawapan ulangan dan tidak diberikan markah. Ada calon yang memberikan istilah yang betul namun mereka memberikan huraian yang tidak tepat. Ada juga calon yang cuai, iaitu mereka melakukan kesalahan ejaan untuk istilah kohesi dan koheren. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Jawapan sedemikian jelas menunjukkan bahawa calon tidak memahami kehendak soalan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. (a) Berkoheren  
(b) Ideanya berkesinambungan

2. (a) Mempunyai kesinambungan idea atau kohesi  
(b) Mempunyai kesinambungan ayat atau koheren
3. (a) kohensi  
(b) koheran / koherens
4. (a) Berfokus kepada satu idea  
(b) Kesinambungan idea antara unit bahasa
5. (a) penanda leksikal  
(b) penanda penghubung

## Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon membina sebuah wacana yang panjangnya tidak melebihi 40 patah perkataan dengan menggunakan ketiga-tiga jenis penanda wacana seperti yang berikut:

<b>Jenis penanda wacana</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penanda wacana yang berfungsi untuk menghubungkan sesuatu maklumat dengan maklumat yang lain.</li> <li>• Penanda wacana yang digunakan untuk merujuk sesuatu.</li> <li>• Penanda wacana yang mengandungi pengulangan kata atau kata berkolokasi.</li> </ul>

Contoh jawapan yang betul untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Setiap pagi emak dan kakak akan membuat pelbagai jenis kuih. Antaranya karipap, pau sambal, dan keria. Mereka memulakan kerja-kerja membuat kuih tepat jam empat pagi. Pada awalnya, hanya ayah yang menjual kuih-muih tersebut di gerai. Selepas itu, abang pula menyusul.

Ada segelintir calon yang dapat memberikan jawapan yang betul untuk soalan ini. Mereka dapat membina sebuah wacana yang mengandungi penanda penghubung, penanda rujukan, dan penanda leksikal. Wacana yang dibina adalah utuh, iaitu mengandungi kohesi dan koheren.

Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak mengetahui jenis penanda wacana yang dinyatakan dalam soalan. Mereka menggunakan penanda wacana yang tidak menepati jenis penanda wacana yang dinyatakan dalam soalan. Ada juga calon yang menggunakan jenis penanda wacana seperti yang dikehendaki dalam soalan, namun penggunaannya tidak tepat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. Kehidupan Abu sangat tidak terurus setelah kematian ibu bapanya. Berita kematian ibu bapanya suatu ketika dahulu telah mengubahnya menjadi tidak terurus. Dia memikirkan tentang adiknya. Tambahan lagi, dia merupakan anak sulung.
2. Pada minggu lepas, Aku, Wan dan Laila pergi ke Kuala Lumpur. Kami ke sana menaiki sebuah kereta yang dipandu oleh Laila. Kereta yang dinaiki kami ialah kereta Alphard. Keselesaan menaiki kereta itu membuatkan Wan nyenyak tidur sehingga tiba di Kuala Lumpur.
3. Ahmad ke kebun untuk menanam sayur. Setelah menanam sayur, dia pulang ke rumahnya. Di rumah, dia disuruh oleh ibu untuk ke pasar. Ibu ingin membeli sayur-sayuran dan ikan di pasar.
4. Tegasnya, mereka sentiasa memakai pakaian yang sama warna setiap hari semasa melakukan kerja amal di kampung itu. Warna hitam, hitam, hitam saja yang dipakai oleh mereka.



### Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon menyatakan satu persamaan dan satu perbezaan antara retorik penghujahan dengan retorik pemujukan dalam jadual yang disediakan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Jenis retorik	Persamaan	Perbezaan
Retorik penghujahan dan retorik pemujukan	Kedua-duanya bertujuan untuk mempengaruhi pendapat atau pendirian khalayak.  <i>atau</i> Kedua-duanya menggunakan bahasa yang berkesan.	Retorik pemujukan menyarankan agar khalayak melakukan sesuatu tindakan, sedangkan retorik penghujahan tidak mengandungi sasaran langkah atau tindakan.

Hanya sebahagian kecil calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Ramai calon tidak dapat menyatakan persamaan dan perbezaan untuk kedua-dua jenis retorik penghujahan dan pemujukan. Ada calon yang hanya dapat menyatakan persamaan dengan tepat namun mereka tidak dapat memberikan perbezaan kedua-dua jenis retorik ini. Ada juga calon yang langsung tidak menjawab soalan ini. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- | Jenis retorik                             | Persamaan   | Perbezaan   |
|---|---|---|
| Retorik penghujahan dan retorik pemujukan | Memberikan usul dan cadangan dengan tindakan yang betul | Tidak menggunakan bahasa yang mempengaruhi khalayak |
- | Jenis retorik                             | Persamaan  | Perbezaan   |
|---|--|---|
| Retorik penghujahan dan retorik pemujukan | Kedua-dua retorik menggunakan ayat yang gramatis | Retorik penghujahan mengemukakan bukti yang kukuh manakala retorik pemujukan tidak mengemukakan bukti yang kukuh. |

### Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon membina sebuah wacana yang panjangnya tidak melebihi 40 patah perkataan dengan menggunakan teknik penyampaian idea induksi, berdasarkan permulaan petikan yang diberikan dalam soalan, iaitu:

Tidur merupakan aktiviti rutin dalam kehidupan kita. ....  
.....

Contoh jawapan yang betul untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Tidur merupakan aktiviti rutin dalam kehidupan kita. Setiap individu dewasa memerlukan enam hingga lapan jam sehari untuk tidur. Individu yang tidak cukup tidur akan mengalami gangguan kesihatan. Oleh itu, kita perlu tidur dengan secukupnya pada setiap hari.

Sebahagian calon dapat memberikan jawapan yang betul untuk soalan ini. Mereka dapat membina wacana yang menepati teknik penyampaian idea induksi, iaitu dimulai dengan pernyataan khusus dan diakhiri dengan pernyataan umum. Contoh jawapan calon yang betul adalah seperti yang berikut:

Tidur merupakan aktiviti rutin dalam kehidupan kita (PK). Masa tidur yang mencukupi boleh memberikan kita bertenaga dan berfokus pada aktiviti keesokan harinya (PK). Kita boleh melakukan tugas dengan baik dan cekap jika mendapat tidur yang mencukupi (PK). Tegasnya, tidur boleh membawa manfaat yang banyak kepada kita (PU).

Namun demikian, ada calon yang tidak dapat membina wacana yang menepati teknik penyampaian idea induksi kerana mereka tidak menguasai teknik ini. Mereka membina wacana yang bercampur aduk pernyataan umum dan pernyataan khususnya. Ada calon yang hanya mengemukakan pernyataan khusus sahaja. Ada pula calon yang mengemukakan pernyataan umum yang tidak tepat. Selain itu, ada calon yang memberikan pernyataan umum dan pernyataan khusus yang tidak berkaitan dengan tidur. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. Tidur merupakan aktiviti rutin dalam kehidupan kita yang perlu dititikberatkan bagi mencegah diri daripada sebarang penyakit yang berbahaya seperti serangan jantung dan strok (PK). Kitaran tidur yang tidak teratur juga mampu melemahkan sistem imunisasi badan melawan sebarang penyakit berjangkit (PK).
2. Tidur merupakan aktiviti rutin dalam kehidupan kita dalam seharian kerana melalui tidur, kita dapat merehatkan seluruh anggota badan supaya dapat disegarkan semula (PK). Tegasnya, tidur boleh membawa manfaat yang banyak kepada kita (PU).
3. Tidur merupakan aktiviti rutin dalam kehidupan kita sepanjang hari (PK). Ini antara amalan yang baik yang perlu kita lakukan bersama (PU). Amalan kesihatan yang perlu dicontohi masyarakat (PU).
4. Tidur merupakan aktiviti rutin dalam kehidupan kita (PK). Kita disarankan untuk mengamalkan cara tidur yang betul iaitu dengan tidur selama lapan jam sehari (PK). Selain itu, kita perlu tidur dalam keadaan yang bersih (PK). Oleh itu kita akan memperoleh tidur yang berkualiti (PK).

## Soalan 25

Soalan ini terbahagi kepada soalan (a) dan (b) berdasarkan petikan dialog yang berikut:

Asri : Tipulah kalau tak takut. Cerita itu macam cerita *legend*. Sesapa yang masuk, duduk, atau pernah tinggal di asrama pasti pernah dengar.

Mizal : Betul tu. Kalau bercerita di katil, boleh patah katil tu. Dalam pada takut, seronok juga. Sebab ada yang nampak betul-betul takut. Ada yang teruja. Ada juga yang seronok. Seronok nak kenakan orang.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan jenis variasi bahasa dalam dialog tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah bahasa basahan. Kebanyakan calon dapat menyatakan jenis variasi bahasa yang tepat. Ada antara calon yang memberikan bahasa tak formal sebagai jawapan. Jawapan ini boleh diterima. Ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka tidak dapat mengenal pasti jenis variasi bahasa yang digunakan dalam dialog tersebut. Antara jawapan yang diberikan oleh mereka ialah bahasa pasar, bahasa slanga, bahasa kecil, dan bahasa halus. Ada juga calon yang memberikan jawapan subdialek dan isogloss.

Soalan (b) menghendaki calon memberikan dua ciri variasi bahasa dalam dialog tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (b) (i) Tidak mematuhi ketepatan tatabahasa/menggugurkan imbuhan/menggunakan ayat yang tidak gramatis/terdapat kependekan kata
- (ii) Terdapat percampuran kod.

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat mengenal pasti ciri variasi bahasa basahan yang terdapat dalam petikan dialog tersebut. Namun demikian, ada juga calon yang tidak dapat memberikan ciri yang betul. Mereka memberikan ciri variasi bahasa secara umum, yang tidak terdapat dalam petikan dialog tersebut. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. (b) (i) Bahasanya hanya difahami oleh kelompok tertentu.  
(ii) Bahasanya hanya dituturkan oleh kelompok orang muda sahaja.
2. (b) (i) Kegunaan dalam harian rutin  
(ii) Kegunaan dalam situasi tidak formal
3. (b) (i) Hanya difahami oleh golongan tertentu  
(ii) Mungkin akan pupus kerana penuturnya terhad
4. (b) (i) Mengubah maksud asal sesuatu kata yang digunakan  
(ii) Tidak mempunyai kosa kata yang khusus dan tidak mementingkan ketetapan aspek tatabahasa

### Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon menyenaraikan kosa kata yang menunjukkan bahawa dialog yang diberikan menggunakan variasi bahasa kasar dan memberikan padanannya dalam variasi bahasa halus. Dialog yang diberikan dalam soalan adalah seperti yang berikut:

Rahman: Katanya bini Abu mati semalam.  
Harun: Ditanam pagi ini atau malam tadi juga?

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Kosa kata bahasa kasar	Kosa kata bahasa halus
(a) Bini	Orang rumah/isteri
(b) Mati	Meninggal dunia
(c) Ditanam	Dikebumikan/disemadikan

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat mengenal pasti kosa kata bahasa kasar dan padanannya dalam bahasa halus. Hanya ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka bukan memberikan kosa kata sebaliknya mereka mengemukakan jawapan dalam bentuk frasa. Bentuk jawapan sedemikian tidak diterima kerana soalan jelas menghendaki kosa kata, bukannya frasa. Ada juga calon yang dapat mengemukakan kosa kata bahasa kasar namun mereka menulis perkataan lain sebagai padanannya dalam kosa kata bahasa halus. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1.	Kosa kata bahasa kasar	Kosa kata bahasa halus
(a)	Bini Abu	Isteri
(b)	Mati	Kembali ke rahmatullah
(c)	Ditanam	Disimpan

2.	Kosa kata bahasa kasar	Kosa kata bahasa halus
(a)	Bini	Katanya
(b)	Mati	Semalam
(c)	Ditanam	Jadi

3.	Kosa kata bahasa kasar	Kosa kata bahasa halus
(a)	Katanya	Ditanam
(b)	Abu	Tadi
(c)	Semalam	Juga

### Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon membina satu yang mengandungi unsur pemulukan dan satu lagi ayat yang mengandungi unsur pendinaan. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

(a) Pemulukan

Ke bawah duli tuanku, patik menjunjung titah.

(b) Pendinaan

Patik ini hamba yang hina, mohon ampun dan kurnia di bawah Duli Yang Dipertuan.

Hanya sebilangan kecil calon dapat memberikan jawapan yang betul untuk soalan ini. Mereka dapat membina ayat yang gramatis, yang mengandungi unsur seperti yang dikehendaki dalam soalan.

Kebanyakan calon tidak mendapat markah untuk soalan ini. Mereka tidak dapat membina ayat yang mengandungi unsur pemulukan dan pendinaan. Ada calon yang seolah-olah tidak mengetahui aspek pemulukan dan pendinaan. Ramai calon yang memberikan jawapan dalam bentuk ungkapan rutin, bukannya ayat. Ada calon yang memberikan jawapan yang menepati variasi bahasa formal. Ada calon yang membina ayat yang tidak lengkap. Ada ayat yang dibina tidak gramatis. Selain itu, ada calon yang membina ayat lebih daripada satu ayat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. (a) Pemulukan

Ke bawah duli Tuanku yang maha mulia.

(b) Pendinaan

Pendinaan berkaitan isu rumah itu telah dibuat oleh ketua kampung.

2. (a) Pemulukan

Orang ramai di Kuala Lumpur membuat pemulukan terhadap kerajaan.

- (b) Pendinaan  
Hamba yang pacal hina.
3. (a) Pemulukan  
Ampun tuanku beribu-ribu ampun.
- (b) Pendinaan  
Daulat tuanku.

### Soalan 28

Soalan ini terbahagi kepada 28(a) dan 28(b), berdasarkan rangsangan yang berikut:

Jenis laras bahasa X
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan bahasa yang ringkas dan jelas</li> <li>• Banyak menggunakan ayat perintah</li> <li>• Penjelasan mengikut turutan dan berkesinambungan</li> </ul>

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan jenis laras bahasa X. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah laras bahasa resipi. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat mengenal pasti jenis laras bahasa X berdasarkan ciri yang dinyatakan dalam soalan. Ada segelintir calon yang meneka jawapan untuk soalan ini. Jawapan yang diberikan menunjukkan bahawa mereka tidak dapat mengenal pasti jenis laras bahasa tersebut. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah laras iklan, laras sukan, dan laras sastera.

Soalan (b) menghendaki calon membina sebuah wacana yang menepati ciri laras bahasa X. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 40 patah perkataan. Contoh jawapan yang betul untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Pisang dilenyek hancur. Masukkan gula, garam, dan soda bikarbonat. Akhir sekali, masukkan tepung gandum. Panaskan minyak. Jemput adunan kecil-kecil dan masukkan ke dalam minyak yang telah panas.

Kebanyakan calon dapat membina wacana yang menepati ciri laras resipi, iaitu menggunakan bahasa yang ringkas, menggunakan ayat perintah, dan penjelasannya mengikut turutan dan berkesinambungan. Contoh jawapan calon:

Mula-mula rebus mi segera dahulu. Apabila mi sudah lembut, masukkan sayur-sayuran, ayam yang dipotong dadu, dan perencah mi segera. Masak mi segera tersebut sehingga mendidih. Setelah siap dimasak, taburkan bawang goreng dan hidangkan.

Ada calon yang sebenarnya boleh membina wacana yang menepati laras bahasa resipi namun mereka melakukan kesilapan, iaitu dengan hanya membina satu ayat. Walaupun ayat yang dibina menepati laras bahasa resipi, jawapan berkenaan tidak diberikan markah kerana satu ayat tidak diterima sebagai wacana dalam pembelajaran tingkatan enam. Ada segelintir calon yang meneka jenis laras bahasa X sebagai laras bahasa iklan. Oleh itu, mereka membina wacana yang menepati laras bahasa iklan untuk soalan (b). Selain itu, ada calon yang membina wacana yang menepati laras bahasa sukan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:



1. Masukkan sirap kordial ke dalam bekas jag bersamaan satu tin buah laici, susu sejat, dan beberapa ketulan ais.
2. Marilah beli sabun ini. Wanginya boleh bertahan sehari-hari. Promosi akan berlangsung 2 hari.
3. Penyerang terkenal Kedah, Lirra akan turun beraksi pada aksi menentang Johor esok malam dengan misi ingin memadam episod luka dirinya. Penyerang import itu berharap agar menjaring gol sebanyak boleh.

### Soalan 29

Soalan ini menghendaki calon memberikan maksud (a) Makna denotatif dan (b) Makna konotatif. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Makna denotatif  
Makna sebenar/makna literal/makna asal/makna harfiah/makna tersurat bagi sesuatu perkataan atau frasa
- (b) Makna konotatif  
Makna tambahan/makna tersirat/makna implisit bagi sesuatu perkataan atau frasa

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Namun demikian, ada segelintir calon yang tertukar maksud bagi kedua-dua makna ini. Ada calon yang memberikan makna denotatif dan makna konotatif kepada sesuatu perkara, pernyataan, ayat, dan juga ujaran. Ada pula calon memberikan jawapan dalam bentuk ayat. Jawapan-jawapan sedemikian tidak diterima. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan yang langsung tiada kaitan dengan kehendak soalan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. (a) Makna denotatif: Makna tersurat sesuatu ayat  
(b) Makna konotatif: Makna tersirat bagi asal perkataan
2. (a) Makna denotatif: Satu pernyataan yang membawa maksud tersurat  
(b) Makna konotatif: Satu pernyataan yang membawa maksud tersirat
3. (a) Makna denotatif: Ayah membeli ibu gelang emas sebagai hadiah ulang tahun perkahwinannya.  
(b) Makna konotatif: Bunga di taman Encik Ali akan disunting oleh Alif tidak lama lagi.
4. (a) Makna denotatif: Susunan ayat seperti biasa  
(b) Makna konotatif: Susunan ayat menjadi songsang

### Soalan 30

Soalan ini terbahagi 30(a) dan 30(b). Soalan 30(a) menghendaki calon memberikan satu sinonim bagi perkataan yang berhuruf condong dalam ayat yang berikut:

Dia *hampir* terjatuh ke lantai apabila ditolak oleh budak itu.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah nyaris/nyaris-nyaris. Tidak ramai calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Ramai calon memberikan perkataan “dekat”, “makin”, dan “sipi-sipi” sebagai jawapan.

Soalan 30(b) menghendaki calon membina dua ayat dengan menggunakan perkataan “badan” bagi menunjukkan perbezaan maknanya. Perkataan tersebut tidak boleh diberikan imbuhan, digandakan, atau dijadikan dalam bentuk peribahasa. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Selepas tamat pengajian, dia menyertai aktiviti kebajikan anjuran badan bukan kerajaan.
- (ii) Badan pesakit itu lebam-lebam kerana menerima banyak suntikan.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini. Mereka dapat membina ayat dengan menggunakan perkataan “badan” yang diberikan dalam soalan. Ayat yang dibina jelas dapat menunjukkan perbezaan maknanya. Calon dapat membina ayat dengan menggunakan perkataan “badan” mengikut laras bidang yang dipelajari, contohnya “badan air” dalam bidang Geografi dan “badan berkanun” dalam bidang Pengajian Am. Contoh jawapan calon:

- (i) Tasik itu disambungkan ke badan air yang lebih besar.
- (ii) Badan berkanun itu terletak di bawah pengawasan kerajaan negeri.

Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat membezakan makna “badan” dalam konteks yang berbeza. Hal ini menyebabkan calon membina dua ayat yang menunjukkan makna “badan” yang sama. Ada calon yang meletakkan imbuhan pada perkataan “badan”. Ada pula calon yang membina ayat yang tidak jelas maksudnya. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan dalam bentuk wacana, bukannya ayat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. (i) Anggota badan yang dimiliki oleh manusia dicipta oleh Allah.  
(ii) Kakak mengangkat badan emaknya kerana jatuh tergelincir.
2. (i) Amir bekerja sebagai Badan Kehakiman di Kuala Kangsar.  
(ii) Isterinya sudah berbadan dua.
3. (i) Amir sedang membaca buku pengajian am. Dia membaca tajuk badan kehakiman.  
(ii) Semenjak dua hari ini, badan adik bertambah gemuk. Adik sekarang makan makanan tidak berkhasiat seperti kentang goreng.

### Soalan 31

Soalan ini terbahagi kepada 31(a), 31(b), dan 31(c). Soalan 31(a) berdasarkan maklumat yang berikut:

Ahmad diberikan tugas untuk membuat satu kajian dalam bidang pragmatik.

Soalan ini menghendaki calon menyatakan aspek yang perlu diberikan perhatian oleh Ahmad dalam kajiannya. Antara jawapan yang sesuai untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Penelitian makna ujaran
- (ii) Mengambil kira faktor konteks budaya
- (iii) Penggunaan bahasa dalam situasi yang benar

Tidak ramai calon yang dapat menjawab soalan ini. Calon tidak memahami kehendak soalan dan juga makna pragmatik. Hal ini menyebabkan mereka memberikan jawapan yang pelbagai, antaranya adalah seperti yang berikut:

- (i) Aspek perkataan, frasa, dan ayat
- (ii) Bidang pragmatik
- (iii) Ragam bahasa

Soalan 31(b) menghendaki calon membina satu ayat dengan menggunakan setiap simpulan bahasa yang berikut bagi menunjukkan maknanya yang tepat:

- (i) Kera sumbang
- (ii) Batu loncatan

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Sejak memulakan tugas di pejabat itu, Sham seperti kera sumbang kerana dia tidak mahu bergaul dengan rakan sepejabatnya.
- (ii) Dia menjadikan kerjayanya sekarang sebagai batu loncatan untuk mendapatkan jawatan yang lebih tinggi kelak.

Hanya sebilangan kecil calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Kelemahan yang ketara ialah calon tidak mengetahui makna kedua-dua simpulan bahasa yang diberikan dalam soalan. Oleh sebab itu, mereka membina ayat yang jelas tidak menunjukkan makna simpulan bahasa tersebut. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. (i) Suara kakak bernyanyi seperti kera sumbang.  
(ii) Lelaki itu melakukan kerjanya seperti batu loncatan.
2. (i) Aiman seperti kera sumbang kerana kehilangan wang hasil pencuriannya di bank.  
(ii) Adik telah menerima batu loncatan apabila memenangi cabutan bertuah di Ekspo Kangar.
3. (i) Ali menjadi kera sumbang kerana tidak mendengar Abu memanggilnya.  
(ii) Nama seorang batu loncatan kerana berfikiran yang melangkah jauh pada masa hadapannya.

Soalan 31(c) menghendaki calon memberikan peribahasa yang menepati situasi dalam petikan yang berikut:

“Kita perlu bersatu hati dan berpadu tenaga bagi melawan segala anasir jahat yang cuba merobek perpaduan rakyat”, pesan Tok Wira kepada penduduk kampungnya.

Antara jawapan yang sesuai untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- (ii) Gunung sama didaki, lurah sama dituruni
- (iii) Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- (iv) Serumpun bagai serai, seliang bagai tebu

Tidak ramai calon yang dapat memberikan peribahasa yang sesuai dengan situasi yang diberikan dalam petikan. Ada calon yang memberikan peribahasa secara sembarangan, yang jauh menyimpang dari situasi yang diberikan. Selain itu, ada calon yang mencipta peribahasa mereka sendiri. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Bagai aur dengan tebing
- (ii) Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian
- (iii) Satu jiwa, satu bangsa
- (iv) Bulat air kerana pembentung, bulat suara bersatu hati

### Soalan 32

Soalan 32 terbahagi kepada 32(a) dan 32(b) berdasarkan maklumat yang berikut:

Ragam bahasa	
P	Susunan kata yang seakan-akan bahasa tempelak tetapi tujuannya adalah untuk menunjukkan kesalahan pada masa itu juga.
Q	Susunan kata yang seakan-akan bahasa sindiran tetapi tidak mengandungi kiasan.

Soalan 32(a) menghendaki calon menyatakan ragam bahasa P dan Q. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) P: Bahasa herdik
- (ii) Q: Bahasa menggiat

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Hanya ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Antara kelemahan calon ialah mereka memberikan jawapan secara terbalik. Ada juga calon yang tidak dapat mengenal pasti ragam bahasa P dan Q. Ini menyebabkan mereka meneka jawapan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. (i) P: Bahasa menggiat  
(ii) Q: Bahasa herdik
2. (i) P: Bahasa menggiat  
(ii) Q: Bahasa mengejek
3. (i) P: Bahasa sindiran  
(ii) Q: Bahasa tempelak

Soalan 32(b) menghendaki calon membina satu wacana yang menepati ragam bahasa Q. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan. Contoh jawapan yang sesuai untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Dah jadi orang bandar sekarang ni. Takkan nak balik kampung lagi.

Ada calon yang dapat memberikan jawapan yang betul untuk soalan ini. Mereka dapat membina wacana yang menepati ragam bahasa menggiat. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Ada yang membina wacana yang menepati ragam bahasa terbalik, ragam bahasa keluhan, dan ragam bahasa tempelak. Selain itu, ada calon yang hanya membina satu ayat, sedangkan kehendak soalan ialah satu wacana. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1. Tak lama lagi makan nasi minyaklah kita.
2. “Awal kamu datang ke sekolah hari ini Aiman”, kata Cikgu Wati kepada Aiman di dalam kelas. “Kenapa kamu tak datang lepas waktu rehat sekolah saja, kan awal itu”, kata Cikgu Wati lagi.
3. Kenapalah malang sangat nasib kau ni. Sudahlah tak cantik, tak pandai pulak tu. Lain kali usahalah sikit supaya dapat mengubah nasib malang tu.

### Soalan 33

Soalan ini terbahagi kepada 33(a) dan 33(b). Soalan 33(a) menghendaki calon menyatakan rujukan kehormat bagi setiap individu yang menyandang jawatan seperti dalam jadual, iaitu Yang di-Pertua Dewan Negara dan Mufti. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Jawatan	Rujukan kehormat
(i) Yang di-Pertua Dewan Negara	Yang Berhormat
(ii) Mufti	Sahibus Samahah

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat menyatakan rujukan kehormat yang tepat untuk kedua-dua individu yang disenaraikan dalam jadual tersebut. Hanya ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Ada yang tidak memahami kehendak soalan dan ada yang memberikan gelaran yang tidak tepat untuk kedua-dua penyandang jawatan berkenaan. Contoh jawapan calon:

1.

Jawatan	Rujukan kehormat
(i) Yang di-Pertua Dewan Negara	Kurniaan
(ii) Mufti	Keagamaan

2.

Jawatan	Rujukan kehormat
(i) Yang di-Pertua Dewan Negara	Yang Amat Berhormat
(ii) Mufti	Sahibul Masahah

3.

Jawatan	Rujukan kehormat
(i) Yang di-Pertua Dewan Negara	Yang Mulia
(ii) Mufti	Yang Berbahagia

Soalan 33(b) menghendaki calon mengenal pasti dua bentuk kesantunan berbahasa yang salah penggunaannya dalam ayat (i) dan ayat (ii) yang berikut dan membuat pembetulan bagi setiap kesalahan tersebut.

Penggunaan ciri kesantunan berbahasa pengacara majlis
(i) Majlis mempersilakan ADUN X, Yang Dihormati Raja Zabidin Raja Ahmadi naik ke pentas untuk menyampaikan ucapan.
(ii) Majlis mengumumkan ketibaan Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Haizan Zikri dan isteri, Datin Nurmanisha binti Saad.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
(i) Kesalahan penggunaan rujukan kehormat/ Yang Dihormati	Yang Berhormat Mulia
(ii) Kesalahan penggunaan gelaran (anugerah)/ Datin	Puan Sri

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti penggunaan bentuk kesantunan berbahasa yang salah dan membuat pembetulannya. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Ada antara mereka yang tidak mengetahui kesalahan penggunaan bentuk kesantunan berbahasa yang terdapat dalam kedua-dua ayat berkenaan. Ada calon yang hanya mendapat markah untuk ruang kesalahan tetapi tidak mendapat markah pada ruang pembetulan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

1.

<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
(i) Yang Dihormati Raja Zabidin Raja Ahmad	Yang Mulia, Raja Zabidin Raja Ahmad
(ii) Datin	Datin Sri

2.

<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
(i) Yang Berbahagia	Yang Amat Berbahagia
(ii) Tan Sri	Datuk Sri

3.

<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
(i) Yang Dihormati	Yang Mulia
(ii) Tan Sri	Datuk